

PBS kaji asal-usul pencak Bawean asli

-1 JUN 1986

Berita Minggu

PERSATUAN Bawean Singapura (PBS) sedang mengkaji asal-usul pencak Bawean asli yang dimainkan oleh anak-anak muda di sini untuk memberi pengetahuan yang lebih tepat mengenai pencak tersebut.

Ia telah menghantar satu rombongan seramai lapan orang yang dipimpin oleh Setiausaha Agungnya, Haji Mohd Sadli Mohamed, untuk menemui para pendekar dan pak lorah di pulau itu.

Bagaimanapun, hasil kajian awal nampaknya tidak begitu menggalakkan kerana pencak Bawean asli yang diamalkan di sana didapati "tidak seasli yang diamalkan di Singapura".

Dicampurkan

Haji Sadli berkata, hasil pertemuan dengan para pendekar dan pertunjukan yang dilihat ternyata pencak Bawean asli yang di mainkan di sana sudah lari dari keasliannya.

Beberapa langkah dan gerak silatnya telah dicampurkan dengan beberapa jenis silat yang lain.

Ini menjadikannya tidak lagi asli sebagaimana yang diamalkan di sini meskipun "kami sendiri membawa silat tersebut dari Pulau Bawean itu".

Kajian yang dijalankan nanti, katanya, akan dibukukan supaya anak-anak muda yang ingin mempelajarinya kemudian akan dapat mengenalnya dengan lebih tepat lagi.

Kajian tersebut, bagaimanapun katanya, akan mengambil masa kerana beberapa aspek perlu diteliti sedalam-dalamnya.

Sementara itu, PBS bercadang mengadakan dua projek tahun ini



• HAJI SADLI
Kajian yang dijalankan akan dibukukan

sebagai usaha mengumpulkan dana bagi pembinaan rumah persatuannya.

Harapanan

Projek pertama ialah jog-a-walk yang akan diadakan di Kompleks Sukan Toa Payoh pada September ini dan diharap dapat mengumpulkan \$30,000.

Projek yang kedua ialah pertunjukan pop akan diadakan di Panggung Victoria lewat tahun ini.

Dari persembahan tersebut, PBS berharap untuk mengumpulkan \$20,000 lagi bagi dana rumahnya.

"Sejauh ini projek dana rumah persatuan telah dapat mengumpulkan \$26,000 sejak ia dilancarkan awal tahun ini," kata Haji Mohd Sadli.